

SYARAT PENYERTAAN VHM

✓ Syarat Umum:

1. Rumah sembelih atau loji pemprosesan perlu mendapatkan lesen beroperasi daripada **Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)** dan berdaftar dengan DVS;
2. Rumah sembelih atau loji pemprosesan perlu berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
3. Loji pemprosesan sarang burung walit perlu membuat **permohonan pendaftaran** premis pemprosesan sarang burung walit dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar;
4. Sistem HACCP dan/atau Amalan Pengilangan Baik (GMP) bagi rumah sembelih dan loji pemprosesan untuk produk yang dipohon perlu dilaksanakan sekurang-kurangnya **tiga (3) bulan** sebelum permohonan dibuat;
5. Loji pemprosesan digalakkan mempunyai **sijil GMP dan HACCP** sebelum permohonan VHM dibuat; dan
6. Premis makanan berasaskan haiwan atau hasilan haiwan tidak berkecuali dalam pematuhan undang-undang dan peraturan di dalam Malaysia.

✓ Syarat Khusus:

1. Produk yang dipohon adalah daripada hasilan haiwan (**tidak termasuk produk hasilan laut**);
2. Bahan mentah berasaskan haiwan adalah diiktiraf DVS;
3. Premis **edible bird nest (EBN)** perlu mempunyai **sijil HACCP**; dan
4. Manual Keselamatan dan Kepastian Kualiti Makanan perlu didokumenkan